

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 10 November 2021



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN SUKU TAHUN KETIGA 2021

---

**Hasil sektor perkhidmatan pada suku ketiga 2021 merekodkan  
RM391.0 bilion, merosot 8.7 peratus**

**PUTRAJAYA, 10 NOVEMBER 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Ketiga 2021**. Penerbitan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Ejen Hartanah bagi suku tahun ketiga 2021.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Prestasi Sektor Perkhidmatan pada suku ketiga 2021 merekodkan RM391.0 bilion dengan pertumbuhan negatif 8.7 peratus tahun ke tahun (Carta 1). Penurunan itu disumbangkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, susut 9.5 peratus kepada RM313.3 bilion dan diikuti segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi, turun 21.4 peratus kepada RM10.9 bilion.”

Ketua Perangkawan turut berkata, “Perbandingan prestasi mengikut subsektor memperlihatkan subsektor Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan kejatuhan

yang tertinggi dengan penurunan sebanyak RM30.2 bilion atau 9.1 peratus tahun ke tahun. Ini diikuti oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, masing-masing merosot 80.6 peratus dan 12.3 peratus kepada RM0.7 bilion dan RM21.3 bilion pada suku ketiga 2021.”

Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, jumlah hasil pada suku ketiga 2021 juga merosot 3.3 peratus dengan penurunan sebanyak RM13.5 bilion. Penurunan ini turut didorong oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi, masing-masing merosot 3.4 peratus dan 66.4 peratus.

Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 3.7 juta orang, menurun sebanyak 32,334 orang atau 0.9 peratus tahun ke tahun. Kejatuhan ini disumbangkan oleh subsektor Makanan & Minuman dengan penurunan sebanyak 11,548 orang atau 1.4 peratus, diikuti subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi menurun sebanyak 8,176 orang atau 18.8 peratus. Walau bagaimanapun, jumlah pekerja meningkat 1.0 peratus suku tahun ke suku tahun atau meningkat sebanyak 34,663 orang berbanding suku tahun sebelumnya.


Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan penurunan sebanyak RM630.8 juta, jatuh 2.6 peratus tahun ke tahun. Penurunan itu disebabkan oleh penguncupan dalam subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, susut 7.9 peratus kepada RM2.3 bilion dan diiringi oleh subsektor Maklumat & Komunikasi, menurun 7.7 peratus kepada RM2.1 bilion.” Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, gaji dan upah mencatatkan peningkatan 1.8 peratus kepada RM24.1 bilion pada suku ketiga 2021.

Menjelaskan mengenai kenyataan itu, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Prestasi sektor Perkhidmatan yang lemah pada suku ketiga 2021 menunjukkan Malaysia masih bertarung dengan kesan pandemik COVID-19. Namun begitu, pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan yang giat dijalankan serta persediaan negara untuk menghadapi peralihan endemik COVID-19 dijangka dapat memulihkan ekonomi pada suku tahun akan datang, membolehkan lebih banyak aktiviti ekonomi beroperasi sepenuhnya.”


Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik Negara tahun 2021 ialah "*Connecting The World With Data We Can Trust*".


**Carta 1: Hasil Sektor Perkhidmatan, ST1 2019 – ST3 2021 (RM Bilion)**




**Carta 2: Hasil Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, ST1 2019 – ST3 2021 (RM Bilion)**




**Carta 3: Hasil Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, ST1 2019 – ST3 2021 (RM Bilion)**



**Carta 4: Hasil Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi, ST1 2019 – ST3 2021 (RM Bilion)**



**Carta 5: Hasil Segmen Profesional dan Ejen Hartanah, ST1 2019 – ST3 2021 (RM Bilion)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**10 NOVEMBER 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, November 10, 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR, THIRD QUARTER 2021**

---

***Revenue for services sector in third quarter 2021 registered  
RM391.0 billion, declined -8.7 per cent***

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 10, 2021** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Quarterly Services Statistics, Third Quarter 2021**. This publication presents statistics on the Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; and Real Estate Agents for the third quarter 2021.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said, "Services Sector performance in the third quarter of 2021 recorded RM391.0 billion with a negative growth of 8.7 per cent year-on-year (Chart 1). The decline was attributed by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which decreased 9.5 per cent to RM313.3 billion and was followed by Private Health, Private Education, and Arts, Entertainment & Recreation segment which dropped 21.4 per cent to RM10.9 billion."

The Chief Statistician also said, "Comparison of the performance by sub-sector showed that the Wholesale & Retail Trade sub-sector recorded the highest decline

*with a decrease of RM30.2 billion or 9.1 per cent year-on-year. This was followed by the Arts, Entertainment & Recreation and Transportation & Storage sub-sectors, dropped 80.6 per cent and 12.3 per cent, respectively, to record RM0.7 billion and RM21.3 billion in third quarter 2021.”*

*Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, total revenue in the third quarter 2021 also contracted by 3.3 per cent, with a decrease of RM13.5 billion. The decrease was also propelled by Wholesale & Retail Trade and Arts, Entertainment & Recreation sub-sectors, which declined 3.4 per cent, and 66.4 per cent, respectively.*

*The number of persons engaged in this sector was 3.7 million persons, declined by 32,334 persons or 0.9 per cent year-on-year. The fall was attributed by Food & Beverages sub-sector with a decrease of 11,548 persons or 1.4 per cent, followed by the Arts, Entertainment & Recreation sub-sector, dropped by 8,176 persons or 18.8 per cent. However, the number of persons engaged rose 1.0 per cent quarter-on-quarter or increased by 34,663 persons as against the previous quarter.*


*Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “Salaries and wages paid also registered a decrease of RM630.8 million, fell 2.6 per cent year-on-year. The decrease was due to a contraction in Transportation & Storage sub-sector, which dropped 7.9 per cent to record RM2.3 billion and was accompanied by the Information & Communication sub-sector, which declined 7.7 per cent to record RM2.1 billion.” Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 1.8 per cent to register RM24.1 billion in the third quarter 2021.*

*Explaining on the statement, Chief Statistician Malaysia said, “The weak performance of the Services sector in the third quarter of 2021 indicates Malaysia is still battling with the impact of the COVID-19 pandemic. Nevertheless, the rollout National Vaccination Programme and the country’s preparations for the COVID-19 endemic transition are seen to jump-start economic recovery in the upcoming quarters, allowing more economic activities to fully operate.”*


The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 every year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".


**Chart 1: Revenue of Services Sector, Q1 2019 – Q3 2021 (RM Billion)**




**Chart 2: Revenue of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation Segment, Q1 2019 – Q3 2021 (RM Billion)**




**Chart 3: Revenue of Information & Communication and Transportation & Storage Segment, Q1 2019 – Q3 2021 (RM Billion)**



**Chart 4: Revenue of Private Health, Private Education and Arts, Entertainment & Recreation Segment, Q1 2019 – Q3 2021 (RM Billion)**



**Chart 5: Revenue of Professional and Real Estate Agent Segment, Q1 2019 – Q3 2021 (RM Billion)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**10 NOVEMBER 2021**